

03 OCT 2001

Syed Hamid-Hubungan

LAWATAN SULTAN BRUNEI BUKTIKAN HUBUNGAN RAPAT, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Lawatan Sultan Brunei Sultan Hassanah Bolkiah ke Malaysia, menunjukkan hubungan istimewa kedua-dua negara, dan akan diteruskan menerusi hubungan yang rapat di semua peringkat, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata Sultan Hassanah Bolkiah menganggap kunjungan tiga harinya bermula Ahad lepas ke Malaysia sebagai berjaya dan berpuashati dengan perbincangan yang diadakan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Baginda turut mengesahkan akan menghadiri Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA 2001) yang akan berlangsung dari 9 hingga 14 Okt ini di Langkawi, katanya kepada pemberita selepas menghantar pulang Sultan Brunei di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang di sini hari ini.

Ditanya pendapatnya mengenai perbualan telefon antara Dr Mahathir dengan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush dua hari lepas, Amerika mengakui peranan ikhlas Malaysia dalam memerangi keganasan dan Amerika menghargainya.

Mengenai hubungan antara Malaysia dan Amerika, beliau berkata sejak pentadbiran Bush mengambil alih, banyak pendekatan usaha yang dilakukan kedua-dua pihak.

Katanya Amerika memahami peranan dan tindakan yang diambil oleh Malaysia terutama dalam soal-soal yang menyentuh prinsip Malaysia berkenaan sesuatu isu.

"Bukan Malaysia menentang Amerika Syarikat (dalam sesuatu isu) kerana kita benci Amerika. Dalam soal prinsip, apa yang kita fikir perlu disuarakan, kita suarakan. Dengan ini dia (Amerika) menghargai apa yang kita lakukan, kerana itu mereka amat berpuashati dengan hubungan yang ada," katanya.

-- BERNAMA

MHI AHH RON